



Sumber: BERITA HARIAN

JAWAPAN KEPADA KUMPULAN PENULIS

Kesederhanaan ikut prinsip syariah, bukan kepentingan diri

Selepas meneliti surat hasil tulisan 25 orang kenamaan bertajuk 'Keperluan kepada Proses Rundingan' dalam sebuah akhbar berbahasa Inggeris pada 8 Disember lalu, kami sebuah kumpulan organisasi prihatin dan mewakili ahli kami berasa terpengkilang memberikan jawapan balas kepada kenyataan membimbangkan terkandung dalam surat berkenaan.

Perkara utama sekali, diperhentikan kumpulan penulis surat berkenaan (Kumpulan Penulis) berpendirian bahawa kelangsungan pelaksanaan undang-undang Islam berkaitan kedudukan Islam dalam Perlembagaan negara ini bercanggah dengan konsep kesederhanaan didokong kerajaan.

Pada asasnya, Kumpulan Penulis itu memperjuangkan hujah yang dokongan kepada kedudukan Islam di bawah Perlembagaan adalah sama dengan perubahan ekstremis serta fahaman melampau. Peliknya, Kumpulan Penulis itu tidak memperincikan apakah konsep kesederhanaan dipegang oleh kerajaan dan bagaimanakah kedudukan Islam dalam Perlembagaan dan pelaksanaan undang-undang Islam bercanggah dengan konsep kesederhanaan.

Beza konsep kesederhanaan dan melampau

Justeru, wajib bagi kami menjelaskan makna kesederhanaan dalam konteks yang disebut serta membezakan di antara konsep sederhana dan melampau.

Konsep kesederhanaan dipegang kerajaan berdasarkan prinsip keadilan dalam al-Quran, kesederhanaan (wasatiyyah) dalam semua aspek kehidupan dan penolakan terhadap perbuatan melampau. Prinsip kesederhanaan ini dinyatakan dalam penerbitan rasmi JAKIM tahun 2013 sempena sambutan Maulidul Rasul.

Adalah amat sukar memberi suatu definisi terhadap perkataan 'melampau' kerana ia bergantung kepada perspektif seseorang yang merumuskan definisi berkenaan; sama ada dari pandangan sekular, liberal atau sudut agama. Setiap pandangan membawa kepada definisi berbeza.

Cara lebih saksama untuk memberi definisi 'melampau' adalah dengan mentakrifkan 'melampau' sebagai lawan 'kesederhanaan'. Prinsip kesederhanaan Islam meletakkan keadilan sebagai nilai utama. Justeru, manamana konsep, falsafah, idea atau tindakan bertentangan dengan keadilan adalah 'melampau'. Garis pemisah antara 'kesederhanaan' dan 'melampau' adalah keadilan dan kesaksamaan.

Kumpulan Penulis berkenaan



Pelaksanaan undang-undang syariah memelihara keharmonian masyarakat Islam.

(GAMBAR HIASAN)

juga berpendapat pemakaian perundangan syariah melalui pengeluaran fatwa melanggar Perlembagaan serta bertentangan dengan konsep kesederhanaan. Pandangan itu adalah hasil salah-tafsir yang perundangan Islam tidak mampu membuahkan keadilan dan kesaksamaan, iaitu jelmuan utama konsep kesederhanaan.

Lebih penting, ia menunjukkan pandangan Kumpulan Penulis berkenaan sejajar pandangan sekular iaitu memberikan keutamaan atau kepentingan lebih kepada hak individu berbanding hak dan kepentingan masyarakat. Kumpulan Penulis berkenaan berpendapat fatwa hendaklah tertakluk kepada proses rundingan terbuka, yang mana setiap individu bebas berdebat mengenai perundangan syariah, tidak kira sama ada individu itu cetek ilmu atau sebaliknya mengenai perundangan syariah.

Pandangan ulama mengenai isu transgender

Kumpulan Penulis itu menyebut penghakiman Mahkamah Syariah mengenai isu transgender sebagai melampau, justeru bertentangan prinsip kesederhanaan. Pada hakikatnya, sudah banyak kupasan dan pandangan ulama dalam pengiktirafan hak transgender dalam Syariah.

Apa yang berlaku adalah kelemahan pentadbiran yang mana Mahkamah Syariah tidak memberi panduan atau aliran proses yang perlu dipatuhi oleh pihak bertanggungjawab berkenaan pembuktian dalam Mahkamah Syariah untuk menyokong tuntutan seseorang transgender yang mempunyai bukti kukuh berdasarkan laporan perubatan.

Kelemahan pentadbiran dan kekhilafan manusia dalam pelaksanaan prinsip Syariah di-

tonjolkan oleh Kumpulan Penulis itu sebagai kegagalan agama Islam untuk mengiktiraf hak transgender.

Serangan Kumpulan Penulis ke atas Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, dalam isu transgender membingungkan. Sama ada seseorang itu bersetuju atau tidak dengan pendirian beliau, adalah persoalan tidak berkait secara langsung. Sebagai menteri ditugaskan menjaga hal ehwal agama Islam, sudah tentu menjadi kewajipan beliau untuk membuat pendirian tegas mengenai isu di bawah tanggungjawab kementeriannya.

Kumpulan Penulis berkenaan juga berpendapat pelaksanaan undang-undang Syariah ke atas orang Islam, sentiasa berada dalam konflik dengan Perlembagaan. Terdapat banyak kes membuktikan perkara sebaliknya berlaku. Perundangan Syariah tidak bercanggah dengan Perlembagaan kerana kedua-duanya mempunyai objektif sama; iaitu menegakkan keadilan dan kesaksamaan.

Dalam kes Titular, Mahkamah menjelaskan, "...Artikel 3 Perlemb-

"Perundangan Syariah tidak bercanggah dengan Perlembagaan kerana kedua-duanya mempunyai objektif sama; iaitu menegakkan keadilan dan kesaksamaan"

bagaan menyatakan Islam adalah agama Persekutuan bermaksud "...obligasi Persekutuan melindungi, mempertahankan, membugarkan Islam dan memberi kesan... kepada perintah Islam... menggalakkan orang ramai menjalani kehidupan mengikut landasan kerohanian Islam dalam kehidupan seharian".

Kepentingan ummah dahulu kepentingan diri

Perkara asas adalah mendidik individu agar mereka faham orang Islam adalah sebahagian daripada masyarakat besar (ummah) yang mana mereka meletakkan kepentingan dan keharmonian masyarakat mendahului kepentingan persendirian. Ini adalah inti pati konsep kesederhanaan; menegakkan dan melaksanakan keadilan dan kesaksamaan dalam kerangka Perlembagaan untuk kepentingan bersama masyarakat berdasarkan prinsip 'syariah' dan bukannya kepentingan individu semata-mata.

Kumpulan Penulis berkenaan menegaskan bahawa kewujudan perundangan Syariah dalam kerangka Perlembagaan adalah perundangan yang plural (lebih daripada satu undang-undang) justeru, sebagai perkara negatif. Kumpulan Penulis itu membangkitkan dalam Perlembagaan hanya boleh wujud satu bentuk undang-undang; yang mana prinsip syariah sepatutnya tidak wujud sebagai suatu bahagian perundangan.

Realitinya Perlembagaan adalah bersifat plural dari awal ia dirangka. Asal usul Perlembagaan adalah dari 'canon law', bermaksud undang-undang terbit daripada undang-undang agama Kristian Romawi. Lama-kelamaan, Perlembagaan berkembang dengan kaedah menerima pakai dan melaksanakan undang-un-

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

undang Syariah menerusi penghakiman, berdasarkan hakikat yang undang-undang Syariah adalah sebahagian daripada kebudayaan dan cara hidup orang Islam di negara ini.

Ini adalah perkembangan semula jadi untuk membina undang-undang 'common' Malaysia. Undang-undang dipanggil 'common' untuk semua rakyat jika mengambil kira cara hidup, adat resam, kebudayaan dan pelbagai kepercayaan agama pelbagai masyarakat.

Secara prinsipnya, kami tidak membantah gesaan Kumpulan Penulis itu untuk mengadakan dialog berkenaan pelaksanaan undang-undang syariah; namun ia mesti tertakluk kepada persetujuan yang semua pihak mempunyai persefahaman serta mengiktiraf dan menghormati kedudukan Islam dalam Perlembagaan.

Akhir kata, kami menulis surat ini sebagai jawapan balas terhadap surat Kumpulan Penulis itu kerana adalah fitrah (sifat semula jadi manusia) suatu masyarakat, apabila berdepan dengan keadaan yang mana agama Islam diungkap dengan penuh penghinaan, perlunya bagi masyarakat itu membuat pendirian tegas dalam perkara membabitkan kehormatan dan harga diri mereka.

Masyarakat yang tidak berupaya mempertahankan agamanya dan kaedah mengamalnya adalah suatu komuniti yang tidak bermaruah, dayus serta tidak berasa bangga dengan identiti sendiri.

Datuk Zainul Rijal Abu Bakar,
Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM)

Tuan Musa Awang,
Presiden Persatuan Peguam Syariah Malaysia (PGSM)

Azril Mohd Amin,
Ketua Eksekutif Centre For Human Rights Research & Advocacy (CENTHRA)